UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Jabatan Pendaftar
Registry Department

Bangunan Canselori
*(Chancellory Building)*
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

Ruj. Kami : USM. 53/27JLD. 1
Tarikh : 28 Ogos 2025

Semua Dekan dan Pengarah
Pusat Pengajian/Pusat/Institut
Universiti Sains Malaysia

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**HEBAHAN BPA BIL. 5/2025: TERMA RUJUKAN DAN TATACARA PELANTIKAN AHLI BERSEKUTU SEBAGAI AHLI MAJLIS AKADEMIK PUSAT PENGAJIAN/PUSAT/INSTITUT**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Senat ke-294 pada 31 Julai 2025 telah meluluskan Terma Rujukan dan Tatacara Pelantikan Ahli Bersekutu sebagai Ahli Majlis Akademik Pusat Pengajian/Pusat/Institut.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini dimajukan Terma Rujukan dan Tatacara Pelantikan Ahli Bersekutu sebagai Ahli Majlis Akademik Pusat Pengajian/Pusat/Institut untuk perhatian dan tindakan YBhg. Dato'/tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ROSLAN ISMAIL)**
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Pengurusan Akademik

s.k.

Naib Canselor

Semua Timbalan Naib Canselor

Pendaftar

Pengarah Kampus
Kesihatan/Kejuruteraan

Timbalan Pendaftar/Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar
Pusat Pengajian/Pusat/Institut

Hebahan BPA/RI/ZCH/NRAW

**TERMA RUJUKAN DAN TATACARA PELANTIKAN AHLI BERSEKUTU SEBAGAI AHLI MAJLIS AKADEMIK PUSAT PENGAJIAN/ PUSAT/INSTITUT**

(Kelulusan Senat ke-294 pada 31 Julai 2025)

---

**Syarat kelayakan Menjadi Ahli Majlis Akademik**

**Keahlian Majlis Akademik Berdasarkan Seksyen 30, Perlembagaan USM:**

1. Dekan Fakulti atau Pusat Pengajian itu, atau Ketua Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi itu sebagai Pengerusi

2. Semua Timbalan Dekan dan Pengerusi Rancangan akademik dan penyelidikan; dan

3. Semua ahli akademik sepenuh masa Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi itu.

**Kelayakan Sebagai Ahli Majlis Akademik:**

Staf akademik penuh masa berikut adalah LAYAK untuk dilantik sebagai Ahli Majlis Akademik (Ahli Tetap dan Ahli Bersekutu):

1. Tetap
2. Percubaan
3. Kontrak
4. Guru

*Sumber : Seksyen 30, Perlembagaan USM*

**(a) Situasi Yang Membolehkan Pelantikan Ahli Bersekutu Majlis Akademik**

1. Staf akademik dari PTJ lain yang dilantik sebagai Ketua Jabatan sesuatu Pusat Pengajian/Pusat/Institut adalah automatik menjadi Ahli Tetap Majlis Akademik PTJ tersebut. Status sebagai Ahli Tetap adalah mengikut tarikh dan tempoh dalam surat lantikan.

2. Pelantikan Ahli Bersekutu dalam Majlis Akademik Pusat Pengajian/Pusat/Institut hanya boleh dipertimbangkan oleh Naib Canselor atas justifikasi kepakaran, tugasan penyeliaan sebagai Penyelia Utama, pengajaran dan penyelidikan.

**(b) Pengehadan/Kelayakan Sebagai Ahli Majlis Akademik dan Ahli Bersekutu**

1. Staf akademik berikut adalah TIDAK LAYAK untuk dilantik sebagai Ahli Bersekutu sekiranya:

   i. Berstatus Sementara / Sambilan
   ii. Kunjungan
   iii. Kehormat
   iv. Emeritus/Emerita
   v. Felo
   vi. Profesor Adjung

2. Ahli Bersekutu adalah sama statusnya dengan Ahli Tetap Majlis Akademik di Pusat Pengajian/Pusat/Institut.

3. Setiap Ahli Bersekutu **dibenarkan menjadi pemilih dan/ atau calon** bagi pemilihan Dekan/Pengarah Pusat Pengajian/Pusat/Institut masing-masing.

4. Hanya Ahli Bersekutu bertaraf Profesor dan Profesor Madya sahaja yang **boleh menjadi pemilih** bagi pemilihan Profesor sebagai ahli Senat.

| Kategori | Calon | Pemilih |
|---|---|---|
| Dekan/Pengarah Pusat Pengajian/ Pusat/ Institut | ✓ | ✓ |
| Profesor sebagai Ahli Senat | ✓ | ✓ |

Nota : Penentuan bagi proses pemilihan Pengarah Pusat/Institut adalah atas budi bicara Naib Canselor

5. Pelantikan Ahli Bersekutu boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Naib Canselor atas justifikasi yang munasabah.

**(c) Proses Pelantikan Ahli Bersekutu**

Proses pelantikan Ahli Majlis Bersekutu adalah seperti di **LAMPIRAN A**

# PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PELANTIKAN AHLI BERSEKUTU

| Proses | Aktiviti | Tindakan |
|---|---|---|
| MULA | | |
| Hebahan pelantikan Ahli Bersekutu oleh Unit Senat | Hebahan pelantikan Ahli Bersekutu kepada Pusat Pengajian/Pusat/Institut | Unit Senat |
| Permohonan lantikan Ahli Bersekutu daripada Pusat Pengajian/Pusat/Institut | Menerima cadangan permohonan bagi pelantikan ahli Bersekutu daripada Pusat Pengajian/Pusat/Institut<br>PTJ perlu mendapatkan:<br>a) Perakuan setuju terima lantikan oleh calon<br>b) Kelulusan Dekan/Pengarah Pusat Pengajian/Pusat/Institut hakiki calon<br>c) Justifikasi cadangan pelantikan sebagai Ahli Bersekutu | Dekan/ Pengarah/Pusat Pengajian/Pusat/Institut |
| Penyediaan fail permohonan Pusat Pengajian/Pusat/Institut untuk tapisan/penelitian TNC (AA) dan TNC (P&I) | Menyedia dan menyelaras maklumat yang diterima daripada Pusat Pengajian/Pusat/Institut untuk tapisan TNC (AA) dan TNC (P&I) | Unit Senat |
| 1 | | |

**LAMPIRAN A**

**LAMPIRAN S294-05**

| Proses | Aktiviti | Tindakan |
|---|---|---|
| 1 | | |
| Saringan 1<br>TIDAK<br>YA | TNC (AA) (Pusat Pengajian dan Pusat Perkhidmatan) / TNC (P&I) (Pusat Penyelidikan)<br><br>Membuat tapisan bagi cadangan pelantikan Ahli Bersekutu daripada Pusat Pengajian/Pusat/Institut<br><br>Jika tidak diluluskan, Unit Senat akan membuat pemakluman kepada Pusat Pengajian/Pusat/Institut | TNC (AA)<br>TNC (P&I)<br><br>Unit Senat |
| Menyelaras dan mengemaskini permohonan Pusat Pengajian/Pusat/Institut dalam sistem sasma | Merekod dan mengemaskini cadangan pelantikan Ahli Bersekutu dalam sasma.usm.my | Unit Senat |
| Saringan 2<br>TIDAK<br>YA | Membuat pertimbangan bagi kelulusan cadangan pelantikan Ahli Bersekutu daripada Pusat Pengajian/Pusat/Institut<br><br>Jika tidak diluluskan,Unit Senat akan membuat pemakluman kepada Pusat Pengajian/Pusat/Institut | Naib Canselor<br><br>Unit Senat |
| Keluar surat | Surat lantikan untuk tandatangan Naib Canselor | Naib Canselor |
| TAMAT | | |